

15 October 2018

Page 65

Port Dickson

## MPPD sambut baik penganjuran sukan untuk tarik pelancong

Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) mengalu-alukan sebarang anjuran sukan khususnya bagi menarik pelancong datang ke kawasan itu.

Yang Dipertua MPPD Mohd Zamri Mohd Esa berkata, Port Dickson adalah kawasan pelancongan yang sudah mempunyai nama besar dan pihak hotel harus menggunakan kreativiti dalam menarik pelancong.

"Acara berbasikal seperti Cultural Ride Port Dickson ini amat baik dari segi pelancongan.

"Kita mengalu-alukan mana-mana pihak hotel yang mahu menganjurkan apa juga acara sukan khusus bagi menarik pelancong untuk datang beriadah ke kawasan ini.

"Di masa depan, kita percaya Port Dickson akan lebih maju kerana mereka baru sahaja mendapat Ahli Parlimen yang baru Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Port Dickson semalam (kelmarin).

"Kami percaya pelbagai pembangunan akan tumbuh pesat dan kita mesti bersedia ke arah itu," katanya selepas membuat pelepasan peserta Avillion Cultural Ride Port Dickson di sini, semalam.



PESERTA acara Berbasikal Cultural Ride Port Dickson.